

ETIKA DI ALAM MAYA

Kemajuan teknologi komunikasi telah mengubah secara drastik cara manusia berinteraksi. Jika pada masa dahulu hubungan sosial berlaku secara bersemuka dan kata-kata dituturkan secara lisan, namun, pada hari ini, sebahagian besar komunikasi berlangsung melalui skrin dan papan kekunci. Pandangan, emosi serta reaksi dizarhkan dalam bentuk tulisan yang disebar dengan pantas dan meluas. Namun, perubahan ini turut membawa cabaran baharu, khususnya dalam menilai ketulenannya maklumat serta identiti sebenar individu di sebalik akaun yang digunakan.

Kehadiran bot (perisian aplikasi yang melaksanakan tugas berulang secara automatik), akaun palsu dan kecerdasan buatan (AI) menjadikan sesiapa sahaja mampu tampil dengan identiti yang tidak wujud di dunia nyata, namun berkeupayaan menyampaikan idea dan mempengaruhi persepsi masyarakat. Situasi ini membuka ruang kepada penyalahgunaan media sosial, termasuk penyebaran maklumat palsu, fitnah, provokasi serta kandungan yang bercanggah dengan agama, undang-undang dan adab.

Dalam dunia digital yang sarat dengan maklumat ini, penghayatan konsep *tabayyun* menjadi mekanisme penting bagi membendung kerosakan sosial akibat maklumat yang tidak sahih. Istilah *tabayyun* berasal daripada bahasa Arab yang membawa maksud menjelaskan, memperincikan, dan memastikan sesuatu perkara berada dalam keadaan yang benar dan jelas. Dari sudut praktikal, *tabayyun* merujuk kepada sikap menyemak, meneliti, dan mengesahkan maklumat sebelum menerimanya atau menyebarkannya kepada orang lain. Konsep ini menuntut agar seseorang tidak bersikap tergesa-gesa, sebaliknya berfikir secara kritis dan berwaspada dalam setiap bentuk komunikasi.

Allah *Subhanahu wata'ala* berfirman:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِن جَاءَكُمْ فَاسِقٌ بِنَبَأٍ فَتَبَيَّنُوا أَن تُصِيبُوا قَوْمًا بِجَهْلَةٍ فَتُصْبِحُوا

عَلَىٰ مَا فَعَلْتُمْ تَذِمِينَ

Maksudnya: “Wahai orang yang beriman, jika seseorang yang fasiq datang kepadamu membawa suatu berita, maka selidikilah kebenarannya agar kamu tidak mendatangkan musibah kepada suatu kaum dengan kejahilan kamu sehingga akhirnya kamu menyesali perbuatanmu itu.”

(Surah al-Hujurat 49:6)

Ayat ini menjadi asas penting dalam membentuk sikap berhati-hati dan bertanggungjawab dalam menerima serta menyebarkan maklumat, khususnya di media sosial. Kegagalan mengamalkan *tabayyun* bukan sahaja mencetuskan salah faham, malah boleh membawa kepada kemudaratan yang lebih besar terhadap individu dan masyarakat.

Kesedaran ini turut diperkukuhkan dengan peringatan Allah *Subhanahu wata'ala* bahawa setiap perbuatan manusia, termasuk di alam maya, sentiasa berada dalam pengawasan-Nya. Firman Allah *Subhanahu wata'ala*:

ءَأْمِنْتُمْ مَّن فِي السَّمَاءِ أَن يَخْسِفَ بِكُمْ ٱلْأَرْضَ فَإِذَا هِيَ تَمُورُ

Maksudnya: “Patutkah kamu berasa aman kepada Tuhan yang pusat pemerintahan-Nya di langit, menterbalikkan bumi dan menimbus kamu lalu bumi bergegar dengan serta-merta?”

(Surah al-Mulk 67:16)

Ayat ini mengingatkan bahawa kebebasan bersuara di alam maya tidak pernah terlepas daripada pertanggungjawaban di sisi Allah *Subhanahu wata'ala*. Media sosial bukan sekadar ruang hiburan atau luahan emosi, tetapi mencerminkan keperibadian dan tahap keimanan seseorang Muslim.

Dalam realiti semasa, kegagalan menghayati etika dan *tabayyun* ini dapat dilihat melalui pelbagai fenomena negatif di media sosial, antaranya kemunculan golongan

pempengaruh yang tidak beretika serta budaya *keyboard warrior*. Golongan ini sering melontarkan kritikan melampau, serangan peribadi dan penghinaan terbuka tanpa mempertimbangkan fakta, adab, dan kesan terhadap pihak lain. Sikap ini menjadi antara faktor utama kepada peningkatan isu buli siber, yang merupakan manifestasi jelas keruntuhan etika komunikasi di alam maya.

Statistik Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) menunjukkan sebanyak 35,781 aduan berkaitan buli siber direkodkan setakat 1 Oktober 2025 (Sumber: Sinar Harian [Kes buli siber catat peningkatan ketara di Malaysia - Sinar Harian](#)). Buli siber merangkumi pelbagai bentuk perlakuan seperti gangguan seksual, ancaman, penghinaan, penyebaran maklumat peribadi serta penyalahgunaan imej individu untuk tujuan memalukan atau menganiaya. Fenomena ini sering dipacu oleh penggunaan akaun palsu, ketiadaan kawalan diri serta keghairahan berkongsi maklumat tanpa batas.

Perbuatan sedemikian jelas bertentangan dengan ajaran Islam yang meletakkan akhlak sebagai tunjang utama dalam setiap interaksi. Kamus Dewan Perdana mentakrifkan akhlak sebagai budi pekerti yang baik, dan prinsip ini kekal terpakai sama ada dalam komunikasi bersemuka mahupun secara digital. Allah *Subhanahu wata'ala* berfirman:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اجْتَنِبُوا كَثِيرًا مِّنَ الظَّنِّ إِنَّ بَعْضَ الظَّنِّ إِثْمٌ وَلَا تَجَسَّسُوا وَلَا يَغْتَبِ بَعْضُكُم بَعْضًا أَيُحِبُّ أَحَدُكُمْ أَن يَأْكُلَ لَحْمَ أَخِيهِ مَيْتًا فَكَرِهْتُمُوهُ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ تَوَّابٌ رَّحِيمٌ

Maksudnya: “Wahai orang yang beriman, jauhilah kebanyakan daripada prasangka (supaya kamu tidak membuat sangkaan yang dilarang) kerana sesungguhnya sebahagian prasangka itu adalah dosa, dan janganlah kamu mencari-cari kesalahan atau keaiban orang lain dan janganlah sebahagian kamu mengumpat sebahagian yang lain! Apakah ada antara kamu yang suka memakan daging saudaranya yang sudah mati? (Jika begitu keadaan mengumpat) maka sudah tentu kamu berasa jijik (untuk melakukannya). (Oleh itu, patuhilah larangan tersebut) dan bertakwalah kepada Allah. Sesungguhnya Allah Maha Penerima Taubat lagi Maha Pengasih.”

(Surah al-Hujurat 49:12)

Ayat ini menegaskan larangan berprasangka buruk, mengintip kesalahan orang lain serta mengumpat, yang kesemuanya sering berlaku secara terbuka di media sosial. Tanpa kawalan akhlak, tulisan yang ditaip boleh menjadi senjata yang melukakan maruah dan menghancurkan emosi orang lain.

Lebih membimbangkan, budaya mengejek rupa paras, memperlekeh kekurangan individu dan menyebarkan kandungan memalukan semakin dianggap perkara biasa. Hakikatnya, buli siber boleh membawa kesan psikologi yang serius seperti tekanan emosi, kemurungan, hilang keyakinan diri, malah mendorong kepada tindakan membunuh diri. Justeru, buli siber bukan sekadar kesalahan moral, tetapi satu bentuk kezaliman yang bersifat senyap dan berpanjangan.

Sehubungan itu, sebelum menekan butang “hantar”, seorang Muslim wajar bermuhasabah dan bertanya, *“Adakah tulisan ini membawa kebaikan?”* Jika kandungan tersebut tidak memberi manfaat atau berpotensi mencederakan hati orang lain, maka menahan diri adalah pilihan yang lebih hampir kepada takwa. Rasulullah *Sallallahu ‘alaihi wasallam* bersabda:

إِنَّ الْعَبْدَ لَيَتَكَلَّمُ بِالْكَلِمَةِ مَا يَتَّبِعُ مَا فِيهَا يَهْوِي بِهَا فِي النَّارِ...

Maksudnya: *“Sesungguhnya seorang hamba mengucapkan satu perkataan tanpa memahami akibatnya, dengan sebab itu dia terjerumus ke dalam neraka.”*

(Hadis Riwayat Muslim, no. 2988)

Hadis ini mengingatkan bahawa satu perkataan, termasuk yang ditulis di alam maya, boleh menjadi sebab kebinasaan jika tidak difikirkan dengan teliti.

Kesimpulannya, etika Muslim di alam maya bukanlah tanggungjawab individu semata-mata, tetapi tanggungjawab bersama sebagai sebuah masyarakat. Media sosial seharusnya dimanfaatkan sebagai wahana penyebaran kebaikan, ilmu dan nilai yang membina, bukannya medan permusuhan dan penghinaan. Pendidikan adab digital perlu dipupuk sejak awal agar generasi akan datang mampu membina ekosistem digital yang lebih berakhlak, seimbang dan berteraskan nilai Islam.